

Bantuan RM10.64j pelajar mangsa banjir minggu depan

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN

PUTRAJAYA 4 Jan. – Kementerian Pelajaran akan mula mengagihkan peruntukan berjumlah RM10.64 juta kepada 44,890 pelajar miskin di Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang minggu depan, bagi meringankan beban mereka membuat persiapan untuk ke sekolah.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, peruntukan daripada tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) itu merangkumi RM1.410 juta bagi 4,141 pelajar di Johor, RM2.191 juta bagi 6,964 pelajar di Negeri Sembilan, RM1.777 juta untuk 8,691 pelajar di Melaka dan RM5.258 juta bagi 25,094 pelajar di Pahang.

“Wang tersebut telah diagih-agihkan kepada empat Jabatan Pelajaran di negeri-negeri terabit dan para pelajar terlibat dijangka menerima bantuan itu minggu depan,” katanya.

Hishammuddin berkata demikian kepada pemberita selepas

mempengerusikan mesyuarat pasca-Kabinet kementerianya di sini hari ini.

Pada 27 Disember lalu Hishammuddin mengumumkan mengenai pemberian bantuan tersebut kepada keempat-empat negeri itu.

Melalui tabung KWAPM itu, dua jenis bantuan disediakan ke-

pada pelajar-pelajar miskin iaitu Bantuan Persekolahan untuk membeli pakaian seragam, peralatan sekolah, membayar yuran persekolahan dan peperiksaan manakala Bantuan Am diberikan untuk perbelanjaan bulanan.

“Bagaimanapun, para pelajar miskin ini tidak semestinya menerima kedua-dua bantuan kerana ia tertakluk kepada syarat kelayakan masing-masing,” katanya.

Hishammuddin berkata, bagi Bantuan Persekolahan, pelajar sekolah rendah akan menerima sebanyak RM200 dan menengah RM300 setahun manakala bagi Bantuan Am, para pelajar akan menerima bantuan untuk 10 bulan iaitu RM500 (RM50 sebulan) untuk pelajar sekolah rendah dan RM400 (RM40) sebulan untuk pelajar sekolah menengah.

Selain itu, sebanyak RM6.35 juta diperuntukkan di bawah Peruntukan Bencana Alam Kementerian Pelajaran untuk membersihkan sekolah-sekolah yang dilanda banjir di keempat-empat buah negeri itu.

Sementara itu, Hishammuddin

berkata, Pergerakan Pemuda UMNO akan melancarkan kempen menarik kira-kira 4.5 juta golongan muda berusia antara 21 dan 35 tahun yang masih belum mendaftar sebagai pengundi.

Bagaimanapun, katanya tumpuan Pemuda sekarang ialah berkempen mempertahankan kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil di Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam.

“Kita ada biro yang akan menggerakkan kempen tersebut tetapi tugas penting Pemuda sekarang mempertahankan kerusi di Batu Talam,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Hishammuddin berkata, beliau bersama barisan kepimpinan Pemuda UMNO akan bergerak atas platform Pergerakan Pemuda BN semasa berkempen dalam pilihan raya kecil itu.

Tegas beliau, pergerakan Pemuda daripada parti-parti komponen akan bergabung memberikan maklumat tepat bagi menangkis sebarang isu yang cuba dibangkitkan oleh pembangkang khususnya

dalam soal perkauman.

“Kita sudah kenal pasti kawasan-kawasan yang perlu diberikan perhatian serius kerana Pas juga akan turun berkempen,” katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan Pelan Induk Pendidikan yang menumpukan kepada aspek pembangunan infrastruktur dan pengisian kurikulum pada 16 Januari depan.

“Antara fokus utama pelan tersebut adalah merapatkan jurang sekolah luar bandar dengan bandar dan memajukan sekolah-sekolah berkelompok ke tahap antarabangsa.

“Bagi mengukuhkan pendidikan pembestarian dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di sekolah serta sambutan Hari Guru, program ini akan bermula dari Februari hingga Mei depan,” katanya.

Menteri Pelajaran yakin pelan induk tersebut akan berjaya dilaksanakan sebelum Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) dibentangkan.

Um - 5/1/2007